

# ‘Sultan murka, Najib arah teruskan juga’

## Sultan Mizan mahu bon IMTN digantung hingga syarat resolusi dipatuhi: Saksi

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali, Siti Nurazlinee Azmi dan Farah Marshita Abdul Patah  
bhnews@bharian.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mengarahkan bon Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) yang dikeluarkan Lembaga Pelaburan Terengganu Berhad (TIA) diteruskan walaupun Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin murka dengan pelaksanaannya.

Sultan Mizan turut mengarahkan bon Islamik itu digantung dan terbitannya ditangguhkan sehingga syarat dalam resolusi dipatuhi.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, dalam keterangan di Mahkamah Tinggi di sini, semalam, berkata arahan bagi meneruskan pelaksanaan IMTN itu diberikan Najib pada

satu pertemuan di kediaman bekas perdana menteri itu di Langgak Duta, di sini.

Shahrol Azral berkata, selepas mengadap Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin di Istana Terengganu pada 22 Mei 2009, beliau menghubungi ahli perniagaan, Low Taek Jho atau Jho Low untuk memaklumkan perkara yang dibincangkan.

Shahrol Azral yang juga saksi pendakwaan kesembilan, berkata Jho Low yang terkejut kemudian memintanya bertemu dengan Najib di rumah bekas perdana menteri itu untuk menyelesaikan kelumut IMTN

“Pada masa sama, saya menghubungi Casey Tang (bekas Pengarah Eksekutif 1MDB) dan memaklumkan status bon serta memintanya berbincang dengan Ambank sekiranya memerlukan IMTN digantung.

“Casey Tang memaklumkan ia tidak boleh digantung kerana perjanjian sudah dimeterai dan Pengurus Perhubungan Ambank ketika itu, Joanna Yu juga memaklumkan sebahagian bon itu sudah dibeli ketika *book building exercise* (tempah). Ia dikira melanggar perjanjian yang sudah dimeterai,” katanya.

Dalam pada itu, sebaik tiba di kediaman Najib, Shahrol Azral berkata, beliau mendapati Jho

Low dan Najib menunggunya di ruang tamu dan mereka kelihatan seperti sudah berbincang.

Katanya, beliau menjelaskan kepada Najib bahawa Sultan Mizan Zainal Abidin menitahkan bon IMTN digantung manakala Ambank pula tidak membenarkan ia digantung kerana perjanjian ditandatangani lebih awal sebelum titah Sultan.

Tambahnya, Jho Low berkata, disebabkan IMTN dijamin Kerajaan Persekutuan, penggantungan pada peringkat akhir akan menyebabkan kehilangan keyakinan pelabur terhadap bon kerajaan Malaysia.

“Najib bertanya sama ada saya tahu kenapa Tuanku murka dan

**“Saya menerima  
ia sebagai  
arahan dan mandat  
daripada Perdana  
Menteri merangkap  
Menteri Kewangan  
untuk meneruskan  
IMTN.**

**Shahrol Azral Ibrahim Halmi,**  
Bekas Ketua Pegawai  
Eksekutif 1MDB



**Shahrol Azral (kiri)** hadir pada perbincaran kes 1MDB di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

saya menjawab, tidak tahu.

“Beliau (Najib) bertanya sama ada saya diberikan salinan resolusi dan saya beritahu tiada. Kemudian beliau memberitahu dalam ayat lebih kurang seperti berikut, *you go ahead, I will talk to Tuanku* (kamu teruskan, saya akan cakap dengan Tuanku).

“Saya menerima ia sebagai arahan dan mandat daripada Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan untuk meneruskan IMTN kerana beliau menteri yang bertanggungjawab memberikan Jaminan Kerajaan itu. Jho Low juga mendengar arahan itu,” katanya.

Sementara itu, Shahrol Azral yang membacakan pernyataan saksi, berkata beliau dimaklumkan oleh Istana Terengganu pada 22 Mei 2009, Sultan Mizan yang ketika itu Yang Di-Pertuan Agong menitahkan beliau hadir ke Istana bersama Tan Sri Ismee Is-

mail (bekas Pengarah Bukan Eksekutif 1Malaysia Development Berhad).

“Sebaik saja tiba di Istana Terengganu, kami dibawa ke bilik mesyuarat, kemudian disusuli Tuanku Mizan dan adinda Sultan, Tengku Datuk Rahimah Puteri Ibni Almarhum Sultan Mahmud.

“Baginda menunjukkan dokumen resolusi yang sudah ditandatangani Tengku Rahimah. Seingat saya, Baginda bertitah *Please sign this resolution, you can read it if you want* (tanda tangan dokumen ini, kamu boleh baca jika mahu).

“Saya berasakan ada sesuatu yang tidak kena malah cara Tuanku Mizan kelihatan seperti baginda murka. Saya memandang Tan Sri Ismee, dia langsung tidak berkata apa-apa cuma tertanya-tanya kenapa Tuanku murka dan meminta saya menandatangani resolusi itu,” katanya.